

MEDIA STATEMENT

IDEAS: Malaysia's Caretaker Government must be aware of its rightful limitations and responsibilities; Writing off debts beyond scope of Caretaker Government

Kuala Lumpur, 20 October 2022: Following the dissolution of Parliament last week by the Yang di-Pertuan Agong, the current administration is now officially acting as caretaker government until a formal government is formed post GE-15. The Institute of Democracy and Economic Affairs (IDEAS) reminds the caretaker government that it must be aware of its limited powers and functional responsibilities during this period, whereby the public's confidence towards its impartiality is of utmost importance.

Commenting on the caretaker government, Dr Tricia Yeoh, CEO of IDEAS, stated, "The guidelines outlining the role of a caretaker government in Malaysia are unclear. We do not have a set of separate, written guidelines yet on what the caretaker government should adhere to, whereas Australia and most recently, Canada, have outlined the responsibilities of a caretaker government, titled 'Caretaker Conventions'."

These conventions generally outline the responsibilities of the incumbent in matters relating to manner of conduct (1) for the caretaker government on policies, appointments, international visits, election period as well as administrative work, and (2) for civil officials and the scope of their involvement in election activities. They have also made the document accessible to the public.

"In short, a caretaker government's primary duty is to handle only administrative affairs until the formation of a new government. It does not have the privilege or power to pass, sign, undertake any agreements, contracts and/or pledges, be it at the domestic or international level. It should refrain itself from passing any major policies that may affect the country in the long-term. This includes making new political appointments or making any major procurement or budgetary decisions. Its actions must be governed by the principles of responsibility, rule of law and necessity alone."

In addition, existing documents, programmes and allocations that were approved by the prior government must also be carried out. In the event of an emergency, the caretaker government must practise neutrality and fairness by consulting with all parties before a decision is made. Neutrality applies in refraining from showing favour towards a particular party, be it in public campaigning or during elections. This is crucial because the caretaker government has essentially vacated its political authority with the early dissolution of Parliament and is only allowed legalistic standing to govern.

Dr Yeoh added, “The public must be reminded of practices that infringe upon these basic rules. Earlier this year in February, the caretaker state government in Johor had unilaterally made announcements for the Johor Agro-Food Policy 1.0. Three days ago, on 17th October 2022 at an event with Felcra Berhad settlers and RISDA farmers in Tapah, Perak, caretaker Prime Minister Ismail Sabri announced his agreement to write off approximately RM 233.8 million of debts owed as a reward, provided that he and the cabinet are successfully returned to the federal government by loyal voters after the elections. These are examples that reflect poorly on the current caretaker government and should be called out.

“It is also important to note that Malaysia has had minimal experience with power transition at the federal level. This is why the role of the caretaker government is vital in ensuring that a smooth transition to the new government will take place. Moving forward, adopting Caretaker Conventions or even a Caretaker Government Regulatory Act might allow for a clearer, stricter and more transparent set of guidelines for all future caretaker governments. This is to ensure that the risk of abuse of power by those in the caretaker government can be minimised, and better yet, curbed,” concluded Dr Tricia Yeoh.

--- END ---

For enquiries, please contact:

Halmie Azrie Abdul Halim
Executive, Democracy and Governance
halmie@ideas.org.my

Louis Denis
Manager, External Relations
louis@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia’s first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

KENYATAAN MEDIA

IDEAS: Kerajaan Sementara Malaysia harus sedar batasan dan tanggungjawabnya yang sah; Menghapuskan hutang adalah di luar ruang lingkup Kerajaan Sementara

Kuala Lumpur, 20 Oktober 2022: Susulan pembubaran Parlimen pada minggu lepas oleh Yang di-Pertuan Agong, pentadbiran semasa kini secara rasminya bertindak sebagai kerajaan sementara sehingga satu kerajaan rasmi dibentuk selepas PRU15. Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) mengingatkan bahawa kerajaan perlu mengetahui kuasa dan tanggungjawab fungsian terhad yang dimiliki pada ketika ini, iaitu ketika keyakinan awam terhadap kesaksamaan kerajaan adalah sangat penting.

Mengulas mengenai kerajaan sementara, Dr Tricia Yeoh, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, berkata, "Panduan yang menggariskan peranan kerajaan sementara di Malaysia adalah tidak jelas. Kita masih tidak mempunyai satu garis panduan berasingan dan bertulis tentang apa yang perlu dipatuhi oleh kerajaan sementara, manakala Australia dan terbaharu Kanada, telah menggariskan tanggungjawab sebuah kerajaan sementara, bertajuk '*Caretaker Conventions*'."

Konvensyen ini secara umum menggariskan tanggungjawab kerajaan penyandang dalam hal berkaitan tatalaku (1) untuk kerajaan sementara berkenaan dasar, pelantikan, lawatan antarabangsa, tempoh pilihan raya serta kerja pentadbiran, dan (2) untuk penjawat awam dan ruang lingkup penglibatan mereka dalam aktiviti pilihan raya. Mereka juga telah menjadikan dokumen itu tersedia kepada orang ramai.

"Secara ringkasnya, tugas utama sebuah kerajaan sementara adalah untuk mengendalikan hal ehwal pentadbiran sehingga pembentukan sebuah kerajaan baharu. Kerajaan sementara tidak mempunyai keistimewaan atau kuasa untuk meluluskan, menandatangani, melaksanakan sebarang perjanjian, kontrak dan/atau ikrar, sama ada pada peringkat tempatan atau antarabangsa. Kerajaan sementara tidak boleh meluluskan sebarang dasar utama yang akan memberi kesan kepada negara dalam jangka panjang. Hal ini termasuk membuat lantikan politik baharu atau membuat sebarang keputusan perolehan atau belanjawan utama. Tindakan yang diambil oleh kerajaan sementara harus dikawal melalui prinsip kebertanggungjawaban, kedaulatan undang-undang dan keperluan sahaja."

Sebagai tambahan, semua dokumen, program dan peruntukan sedia ada yang diluluskan oleh kerajaan terdahulu juga harus dilaksanakan. Jika berlaku darurat, kerajaan sementara harus bersikap berkecuali dan adil dengan cara berunding dengan semua pihak sebelum sesuatu keputusan diambil. Sikap berkecuali terpakai dalam mengelak daripada memihak kepada parti tertentu, sama ada dalam kempen awam atau semasa pilihan raya. Hal ini penting kerana kerajaan sementara secara dasarnya telah melepaskan kuasa politiknya melalui pembubaran awal Parlimen dan hanya dibenarkan memerintah menurut peruntukan undang-undang.

Tambah Dr Yeoh, “Masyarakat awam harus diingatkan amalan yang melanggar undang-undang asas ini. Pada bulan Februari yang lalu, kerajaan negeri sementara di Johor secara unilateral telah membuat pengumuman Dasar Agro Makanan Negeri Johor 1.0. Tiga hari yang lalu, pada 17 Oktober 2022 dalam satu acara bersama para peneroka Felcra Berhad dan pekebun RISDA di Tapah, Perak, Perdana Menteri sementara Dato’ Sri Ismail Sabri mengumumkan persetujuannya untuk menghapuskan anggaran hutang sebanyak RM 238.8 juta sebagai satu ganjaran jika beliau dan barisan kabinetnya berjaya diundi kembali menjadi kerajaan persekutuan oleh pengundi setia selepas pilihan raya. Hal sebegini adalah contoh yang memberikan gambaran buruk kepada kerajaan sementara semasa dan harus diberikan teguran.

“Penting untuk diambil perhatian bahawa Malaysia mempunyai pengalaman dengan peralihan kuasa yang minimum di peringkat persekutuan. Inilah sebabnya peranan kerajaan sementara amat penting dalam memastikan peralihan yang lancar kepada kerajaan baharu akan berlaku. Seterusnya, menerima pakai *Caretaker Conventions* atau Akta Pengawalseliaan Kerajaan Sementara mungkin membenarkan satu set garis panduan yang lebih jelas, ketat dan telus untuk semua kerajaan sementara masa hadapan. Hal ini untuk memastikan risiko penyalahgunaan kuasa oleh pihak yang berada di dalam kerajaan sementara dapat diminimumkan, atau mungkin lebih baik, dibendung,” kata Dr Tricia Yeoh.

--- TAMAT ---

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Halmie Azrie Abdul Halim
Eksekutif, Demokrasi dan Tadbir Urus
halmie@ideas.org.my

Louis Denis
Pengurus Perhubungan Luar
louis@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.